

1500 sertai Khatam Perdana USIM

BERGEMA alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran memenuhi ruang Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila 1500 peserta menyertai Majlis Khatam Perdana anjuran Pusat Islam USIM baru-baru ini.

Program julung kali diadakan sempena meraikan keberkatan bulan Ramadan dan Nuzul Al-Quran itu disertai pelajar dan kakitangan USIM

Majlis khatam perdana ini dipimpin pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah iaitu Ustaz Anuar Hasin yang merupakan Johan Tilawah al-Quran Kebangsaan 2013 dan Ustaz Ahmad Tarmizi Abd Rahman, finalis rancangan Akademi al-Quran terbitan TV9 sebelum ini.

Pengarah Pusat Islam, Dr. Khairul Anuar Mohamad berkata, program ini mendapat sokongan Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) dan Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat Negeri Sembilan

(PEKERTI), Yang Mulia Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin yang juga isteri kepada Menteri Besar Negeri Sembilan turut menyumbangkan 500 buah naskah al-Quran untuk digunakan oleh peserta dalam majlis ini.

“Penyertaan dan komitmen peserta amat baik untuk majlis khatam yang dianjurkan ini. Melalui program pengisian Ramadan seperti ini, ia bukan sahaja mendekatkan umat Islam dengan kitab suci al-Quran, malah sebagai pendekatan baik untuk mendidik jiwa menyintai dan menghayati kalam-kalam Allah SWT yang penuh hikmah ini sebagai pedoman hidup,”katanya.

Selesai majlis khatam, ia diteruskan dengan majlis berbuka puasa beramai-ramai bersama warga universiti dan ahli keluarga diikuti solat Maghrib, solat Isyak, solat sunat Terawih dan jamuan moreh sebagai penutup.



DR. Musa Ahmad (empat dari kiri) dan Dr. Khairul Anuar (dua dari kanan) bersama peserta Mushaf al-Quran sempena Majlis Khatam Perdana anjuran Pusat Islam USIM baru-baru ini.

Turut sama menyertai majlis ini, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk

Dr. Hassan Basri; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, dan Pendaftar, Muhammad Haizuan Rozali.